

FAQ KELULUSAN KELAYAKAN DIESEL BERSUBSIDI UNTUK SEKTOR PENGANGKUTAN DARAT (BARANGAN) MELALUI SISTEM MYSUBSIDI DIESEL SKDS 2.0

| SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|
| 1. Bilakah pelaksanaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) akan dilaksanakan? | Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0) dilaksanakan secara Projek Rintis pada 1 Februari 2024 dan perluasan Projek Rintis akan dilaksanakan mulai 7 Mac 2024. |
| 2. Siapakah yang perlu memohon diesel bersubsidi di bawah SKDS 2.0? | Semua syarikat di bawah Sektor Pengangkutan Darat (Barangan) di Semenanjung Malaysia perlu memohon diesel bersubsidi di bawah SKDS 2.0 untuk sembilan (9) jenis kenderaan berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) Lori Kargo Am; (ii) Lori Minuman Botol; (iii) Lori Refrigerated; (iv) Lori Luton/ Kotak; (v) Penggerak Utama; (vi) Lori Tangki Tepung; (vii) Lori Tangki Air; (viii) Panel Van; dan (ix) Window Van. |
| 3. Apakah syarat kelayakan bagi memohon diesel bersubsidi di bawah SKDS 2.0? | Syarat kelayakan memohon diesel bersubsidi SKDS 2.0 adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> (i) Syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016; atau entiti perniagaan tunggal dan perkongsian yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; atau entiti perkongsian liabiliti terhad yang berdaftar di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012; (ii) mempunyai kenderaan di bawah pemilikan syarikat / perniagaan tunggal atau perkongsian; (iii) kenderaan mempunyai cukai jalan yang sah; dan (iv) jenis kenderaan terdiri daripada sembilan (9) jenis kenderaan yang disenaraikan. |

| SOALAN | JAWAPAN |
|--|--|
| 4. Adakah kenderaan darat barangan di pulau-pulau perlu memohon subsidi diesel di bawah SKDS 2.0? | Ya. Sekiranya kenderaan tersebut berada di pulau-pulau Semenanjung Malaysia dan tergolong dalam sembilan (9) jenis kenderaan yang disenaraikan |
| 5. Berapakah harga diesel bersubsidi di bawah SKDS 2.0? | Harga diesel bersubsidi adalah RM2.15/ liter bagi sembilan (9) jenis kenderaan di bawah Sektor Pengangkutan Darat (Barangan). |
| 6. Bilakah syarikat boleh mula memohon diesel bersubsidi untuk Sektor Pengangkutan Darat (Barangan) di bawah SKDS 2.0? | Syarikat boleh mula memohon mulai 7 Mac 2024. |
| 7. Sehingga bila permohonan SKDS 2.0 akan dibuka? | Tempoh permohonan perluasan Projek Rintis SKDS 2.0 dibuka sehingga 31 Mac 2024. |
| 8. Bagaimanakah cara untuk memohon diesel bersubsidi di bawah SKDS 2.0? | Syarikat boleh memohon secara atas talian menerusi Sistem MySubsidi Diesel di pautan https://mysubsidi.kpdn.gov.my/ |
| 9. Adakah pendaftaran secara manual boleh dilakukan? | Tidak. Pendaftaran hanya boleh dilakukan secara atas talian. |
| 10. Apakah maklumat yang diperlukan untuk permohonan pendaftaran diesel bersubsidi SKDS 2.0 dalam Sistem MySubsidi Diesel? | Maklumat yang diperlukan adalah: <ul style="list-style-type: none"> (i) butiran maklumat syarikat; (ii) nombor pendaftaran kenderaan; (iii) maklumat permit kenderaan; dan (iv) pilihan syarikat minyak antara jenama PETRONAS, Shell, Petron, Caltex atau BHP. |
| 11. Berapa lama proses kelulusan kelayakan diesel bersubsidi SKDS 2.0? | Kelulusan adalah serta merta dengan syarat semua maklumat adalah lengkap dan tepat. |

| SOALAN | JAWAPAN |
|---|---|
| 12. Kenapa pendaftaran saya tidak berjaya? | <p>Antara sebab pendaftaran tidak berjaya adalah kerana:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) No. Kad Pengenalan/ No. SSM tidak tepat. (ii) Ejaan nama syarikat/ perniagaan tidak sama seperti dalam Sijil Perakuan Pendaftaran. (iii) Pendaftaran menggunakan No. SSM yang lama. (iv) Kenderaan tidak tersenarai di dalam sembilan (9) jenis kenderaan yang dinyatakan. |
| 13. Berapa bilangan jenama syarikat minyak yang boleh dipilih semasa membuat permohonan dalam MySubsidi Diesel? | <p>Syarikat boleh memilih maksimum dua (2) jenama syarikat minyak semasa memohon di dalam Sistem MySubsidi Diesel.</p> <p>Jenama yang boleh dipilih adalah PETRONAS, Shell, Petron, Caltex atau BHP.</p> |
| 14. Apakah yang perlu dilakukan setelah mendapat kelulusan? Bagaimanakah cara untuk memohon <i>fleet card</i> ? | <p>Setelah Surat Kelayakan Membeli Diesel Bersubsidi dikeluarkan, syarikat/ perniagaan perlu memohon <i>fleet card</i> daripada syarikat minyak yang telah dipilih dalam Sistem MySubsidi Diesel.</p> |
| 15. Apakah dokumen yang perlu dibawa untuk memohon <i>fleet card</i> daripada syarikat minyak? | <p>Syarikat perlu membawa dua (2) dokumen seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Surat Kelayakan Membeli Diesel Bersubsidi; dan (ii) Senarai Kenderaan yang diluluskan. |
| 16. Berapakah tempoh bagi memproses permohonan <i>fleet card</i> oleh syarikat minyak? | <p>Tempoh memproses permohonan <i>fleet card</i> adalah 2 hingga 4 minggu selepas permohonan lengkap dikemukakan kepada syarikat minyak.</p> <p>Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada syarikat minyak seperti berikut:</p> <p>PETRONAS : 1-300-88-8282 mesralink@petronas.com</p> <p>Shell : 1-300-22-8181 generalcardrequests-my@shell.com</p> |

| SOALAN | JAWAPAN |
|--|---|
| | <p>Petron : 1-800-88-8298 customer@petronfleetcard.com.my</p> <p>Caltex : 1-800-88-3168 StarCardMY@chevron.com</p> <p>BHP : 03-7719 9499 xfleet@bhp petrol.com.my</p> |
| 17. Berapakah kuota diesel bersubsidi yang akan terima oleh syarikat barangan? | Fasa Projek Rintis SKDS 2.0 tidak melibatkan sebarang penetapan kuota. |
| 18. Berapa lama tempoh sah laku kelulusan diesel bersubsidi? | Tempoh sah laku kelulusan diesel bersubsidi adalah bergantung kepada tempoh sah laku cukai jalan kenderaan. |
| 19. Bagaimanakah cara memohon untuk menukar jenama <i>fleet card</i> syarikat minyak? | <p>Syarikat boleh memohon pertukaran jenama <i>fleet card</i> syarikat minyak dalam Sistem MySubsidi Diesel di bahagian “Permohonan Pertukaran Syarikat Minyak”.</p> <p>Namun pertukaran jenama <i>fleet card</i> syarikat minyak masih tertakluk kepada kelulusan syarikat minyak semasa dan syarikat minyak baharu yang dipilih.</p> |
| 20. Berapa kali pertukaran syarikat minyak boleh dilakukan dalam masa setahun? | Syarikat/ perniagaan boleh memohon pertukaran syarikat minyak sebanyak tiga (3) kali dalam setahun. |
| 21. Bilakah kelulusan baharu diesel bersubsidi dikeluarkan sekiranya berlaku pertukaran syarikat minyak? | Sekiranya berlaku pertukaran syarikat minyak, kelulusan diesel bersubsidi syarikat hanya boleh digunakan pada 1 haribulan bulan berikutnya setelah permohonan pertukaran diluluskan. |
| 22. Bagaimana saya hendak mengetahui status pertukaran syarikat minyak? | <p>Pemohon akan menerima status pertukaran syarikat minyak melalui notifikasi emel dan melalui Sistem MySubsidi Diesel.</p> <p>Sekiranya status pertukaran syarikat minyak belum diperolehi, pemohon boleh menghubungi syarikat minyak semasa atau yang baharu.</p> |

| SOALAN | JAWAPAN |
|--|--|
| 23. Adakah KPDN terlibat dalam pertimbangan pertukaran syarikat minyak oleh pemohon? | KPDN tidak terlibat dengan urusan tersebut. Pemohon perlu menghubungi syarikat minyak yang berkenaan. |
| 24. Siapakah yang saya boleh hubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan? | <p>Pertanyaan boleh dipanjangkan ke Pusat Panggilan SKDS 2.0 bermula jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang pada hari bekerja di talian berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. 03-8882 5917 ii. 03-8882 6176 iii. 03-8882 5894 iv. 03-8882 5893. |

Tarikh kemaskini : 6 Mac 2024